

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan.

1. (a) Jawatan : Bentara Parlimen
(b) Kementerian/Jabatan : Parlimen Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan

2. Jadual Gaji Gred N11 : P1T1 RM709.59 - P1T22 RM1750.21
P2T1 RM752.06 - P2T22 RM 1839.98
P3T1 RM796.16 - P3T22 RM 1931.38

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - (c) Penilaian Menengah Rendah/ Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11:P1T2)

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Bentara Parlimen Gred N11, Tertakluk Kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas ; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan
5. Taraf Jawatan : Tetap
6. Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Tarikh Tutup Permohonan : **24 Oktober 2008**
8. Ringkasan Tugas

Bertanggung jawab memberi perkhidmatan kepada ahli Parlimen semasa dewan bersidang, mengedar surat, risalah dan nota. Memantau keselamatan dan disiplin ahli Parlimen dan pelawat-pelawat di dalam dewan. Membantu Mengatur buku-buku/risalah-risalah dan Aturan Urusan Mesyuarat (Oder Paper) sebelum persidangan dewan bermula. Selain itu, Bentara parlimen turut membantu mengendalikan persidangan-persidangan antarabangsa serta mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa dewan dan menjalankan tugas menyambut tetamu yang dating ke Parlimen Malaysia terdiri daripada tetamu kerajaan, para pembesar negara asing, delegasi luar dan dalam Negara, badan-badan bukan kerajaan (NGO), para pelajar dan orang awam.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a. Permohonan mestilah disertakan dengan salinan sijil dan lain-lain dokumen yang disahkan;
- b. Hanya permohonan yang ditapis dan di senarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga;
- c. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

PERMOHONAN:

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan jawatan iaitu **Borang BP-23 Pindaan 1/92** yang boleh dimuat turun dari laman web Parlimen Malaysia.
- b) Nama Jawatan yang dipohon hendaklah ditulis di sudut atas sebelah kiri sampul surat.
- c) Semua permohonan hendaklah dihantar sebelum **24 Oktober 2008** ke alamat berikut:

Parlimen Malaysia
Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan
Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen,
50680 Kuala Lumpur
(U.P.: Zamrizam Bin Samsuri)